

**PENILAIAN KEBERKESANAN PENGURANGAN  
KEMISKINAN DI KALANGAN PESERTA  
AMANAH IKHTIAR MALAYSIA DI  
DAERAH KOTA BELUD, PANTAI  
BARAT SABAH**

**HAFIZAL RAMLI**

PERPUSTAKAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK  
MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEHI  
IJAZAH SARJANA**

**SEKOLAH PERNIAGAAN DAN EKONOMI  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2006**



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS®**

**JUDUL: PENILAIAN KEBERKESANAN PENGURANGAN KEMISKINAN DI  
KALANGAN PESERTA AMANAH IKHTIAR MALAYSIA DI DAERAH  
KOTA BELUD, PANTAI BARAT SABAH.**

**IJAZAH: SARJANA EKONOMI (PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN)**

**SESI PENGAJIAN: 2004-2006**

Saya, HAFIZAL RAMLI mengaku membenarkan tesis Sarjana ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hakmilik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian saya.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. TIDAK TERHAD.


Disahkan oleh



(Penulis: HAFIZAL RAMLI)


Alamat:  
781-D, Balai Polis Manchis  
28730 Bentong, Pahang  
MALAYSIA

(TANDATANGAN PERPUSTAKAWAN)



(Penyelia: Prof. Madya Dr. Remali Yusoff)

Tarikh: 25/4/2007



(Penyelia: Pn. Dayangku Aslinah Abd. Rahim)

Tarikh: 25/4/2007

Tarikh: 2006

**CATATAN:** ® Tesis dimaksudkan sebagai tesis Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan, atau laporan Projek Sarjana Muda (LPSM).



## PENGAKUAN

Saya mengaku bahawa karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan-nukilan dan ringkasan-ringkasan yang tiap-tiap satunya telah dijelaskan sumbernya.



HAFIZAL RAMLI  
PS 2004-002-010  
21 DISEMBER 2006



## PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang.

Alhamdulillah dan syukur dipanjatkan ke hadrat Illahi kerana dikurniakan kekuatan dan semangat sehingga dapatlah saya menyempurnakan tesis ini dengan jayanya. Sesungguhnya penulisan tesis ilmiah ini tidak dapat dimajukan dengan sempurna tanpa bantuan, sokongan dan kerjasama erat dari pelbagai individu dan institusi. Ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga saya tujukan kepada mantan penyelia utama, Prof. Datuk Mohd Yusof Kasim , penyelia utama saya iaitu Prof. Madya Dr. Remali Yusoff dan penyelia bersama Pn. Dayangku Aslinah Abd. Rahim di atas idea, dedikasi dan sikap positif mereka yang telah menjadi pendorong kepada saya untuk menghasilkan tesis ini.

Sekalung penghargaan saya ditujukan kepada Prof. Madya Dr. Hj. Kasim Hj. Md. Mansur, Dekan Sekolah Perniagaan dan Ekonomi, di atas segala bentuk sokongan dan perhatian yang telah diberikan. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih juga diucapkan kepada Yayasan Pahang kerana telah memberi bantuan kewangan dalam bentuk pinjaman boleh ubah kepada saya. Sesungguhnya bantuan kewangan tersebut amat membantu saya dalam menjalankan kajian ini.

Saya juga amat terhutang budi kepada Prof. Sukor Kasim, mantan Pengarah Urusan Amanah Ikhtiar Malaysia yang telah memberi kebenaran dan kerjasama erat kepada saya untuk menjalankan kajian ini. Terima kasih juga diucapkan kepada semua kakitangan AIM yang terlibat yang telah membantu kelancaran semasa saya mengedar dan mengumpul semula borang soal-selidik terutama kakitangan di pejabat AIM Kota Belud bantuan anda amatlah saya hargai.

Jutaan terima kasih saya tujukan kepada peserta AIM yang telah sudi meluangkan masa untuk menjadi responden kajian ini. Mudah-mudahan kajian ini dapat membantu merubah sesuatu untuk kebaikan mereka sebagai balasan di atas kerjasama yang telah mereka berikan. Akhir sekali, ucapan terima kasih kepada ibubapa, isteri tercinta dan rakan-rakan seperjuangan yang sentiasa mendoakan dan memberikan sokongan moral kepada saya selama ini.

Sekian. Wassalam.



## ABSTRAK

### **PENILAIAN KEBERKESANAN PENGURANGAN KEMISKINAN DI KALANGAN PESERTA AMANAH IKHTIAR MALAYSIA DI DAERAH KOTA BELUD, PANTAI BARAT SABAH.**

Kajian ini bertujuan untuk melihat faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian peserta program anjuran AIM dan mengukur pencapaian peserta AIM melepasi Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) setelah terlibat di dalam program AIM. Kajian ini memfokuskan kepada peserta program AIM iaitu wanita di daerah Kota Belud di bawah wilayah Pantai Barat Sabah. Responden dipilih secara persampelan strata di mana ia mewakili setiap cawangan kumpulan. Seramai 400 orang peserta yang menyertai program yang dianjurkan oleh AIM telah menjadi responden bagi kajian ini. Instrumen utama kajian ini ialah kaedah temubual dan borang soal-selidik di mana item-item yang digunakan dalam borang soal-selidik tersebut telah diambil dan diubahsuai daripada kajian-kajian terdahulu. Teknik analisis yang digunakan dalam kajian ini adalah analisis deskriptif, ujian Khi Kuasa Dua dan analisis korelasi. Hasil kajian menunjukkan bahawa dengan adanya peranan yang dimainkan oleh AIM, pencapaian peserta menjadi lebih baik dan pendapatan peserta semakin memuaskan. Walau bagaimanapun, kajian juga mendapati seramai 248 orang peserta (62.0% daripada jumlah keseluruhan responden yang dikaji) masih belum melepasi PGK yang telah ditetapkan. Keyakinan 314 orang (78.5%) peserta untuk meneruskan program tanpa bantuan pinjaman dari AIM juga agak lemah. Justeru itu, beberapa cadangan dasar dan polisi turut dicadangkan pada akhir kajian ini agar AIM dapat memperbaiki sistem penyampaian mereka supaya lebih berkesan untuk membantu peserta keluar dari PGK yang telah ditetapkan. Antaranya dengan memperbanyakkan program-program berbentuk motivasi supaya mereka boleh berdikari pada masa akan datang. Meskipun demikian peserta-peserta AIM ini mempunyai harapan dan semangat yang tinggi untuk memperbaiki taraf hidup mereka.



## **ABSTRACT**

### **THE EVALUATION OF THE EFFECTIVENESS ON POVERTY ALLEVIATION OF AMANAH IKHTIAR MALAYSIA PARTICIPANTS IN KOTA BELUD, WEST COAST SABAH.**

*This research aims in understanding the factors that influence the achievement of the participants of Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) sponsored program and to measure the achievement of the participants whom are able go beyond the Average Poverty Line (APL) after participating in the AIM program. This research focuses on the women participants from Kota Belud district under the Sabah West Coast territory. Respondent were chosen using a stratified random sampling procedure from a population of AIM participants in Kota Belud. A total of 400 respondents for this research were the participants joined the program organized by AIM. The main instruments used for this research is questionnaire and interview. The items used in the questionnaire are all adopted and modified from previous research. The analysis techniques used in this research are descriptive analysis, Chi Squire Test, and correlation test. The result of the study shows that with the involvement of AIM, the participant's achievement becomes better and the income of participants improves. However, the study also found that a total of 248 participants (62.0% from the total number of respondents) still have not gone beyond the fixed. APL. The confidence level of 314 respondents (78.5%) of participants to continue the program without the financial aid from AIM is also weak. Thus, a number of suggestions on the policies are given in the final chapter as a contribution to AIM in improving their delivery system to be more effective in enabling the participant to come out of the APL. This can be done by conducting more motivational based programs to encourage the participant to be more self-sufficient and independent in the future. However, the AIM participants have great hopes and enthusiasm in improving their life style.*



## SINGKATAN

AIM	Amanah Ikhtiar Malaysia
PGK	Pendapatan Garis Kemiskinan
SPI 1	Skim Pembiayaan Ikhtiar 1
SPI 2	Skim Pembiayaan Ikhtiar 2
SPI 3	Skim Pembiayaan Ikhtiar 3
NGO	Badan Bukan Kerajaan
SPSS	Statistical Package for Social Science
YPEIM	Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia
APDC	Pusat Pembangunan Asia Pasifik
KDNK	Keluaran Dalam Negara Kasar
KNK	Keluaran Negara Kasar
USM	Universiti Sains Malaysia
JKM	Jabatan Kebajikan Malaysia
AJIM	Anggaran Jumlah Isirumah Miskin
PAJIM	Purata Jumlah Isirumah Miskin
UPEN	Unit Perancangan Ekonomi Negeri
RRJP	Rangka Rancangan Jangka Panjang
PPRT	Pelan Pembangunan Rakyat Termiskin
PPIR	Penyiasatan Perbelanjaan Isi Rumah
IHP	Indeks Harga Pengguna



## KANDUNGAN

<b>PENGAKUAN</b>	<b>ii</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>iii</b>
<b>ABSTRAK</b>	<b>iv</b>
<b>ABSTRACT</b>	<b>v</b>
<b>SINGKATAN</b>	<b>vi</b>
<b>KANDUNGAN</b>	<b>vii</b>
<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>xi</b>
<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>xiii</b>
<b>BAB 1: PENGENALAN</b>	
1.0 Pendahuluan	1
1.1 Permasalahan Kajian	3
1.2 Objektif Kajian	4
1.3 Skop Penyelidikan	5
1.4 Kepentingan Kajian	5
1.5 Definisi Konsep	6
1.5.1 Pencapaian Peserta	7
1.5.2 Faktor Penglibatan	7
1.5.3 Faktor Modal	8
1.5.4 Faktor Persepsi Peserta	8
1.5.5 Faktor Penerusan Program	9
1.6 Organisasi Kajian	9





**BAB 2: AMANAH IHKTAR MALAYSIA (AIM)**

2.0	Pendahuluan	11
2.1	Sejarah Penubuhan Amanah Ikhtiar Malaysia	11
2.2	Jenis-Jenis Pinjaman yang Ditawarkan	16
2.3	Wanita Sebagai Golongan Sasaran	18
2.4	Cawangan Amanah Ikhtiar Malaysia	19
2.5	Amanah Ikhtiar Malaysia di Negeri Sabah	21
2.6	Kesimpulan	22

**BAB 3: SOROTAN LITERATUR**

3.0	Pendahuluan	23
3.1	Kemiskinan Peringkat Dunia	24
3.2	Kemiskinan di Malaysia	27
3.3	Kemiskinan di Sabah	31
3.4	Definisi Kemiskinan	33
3.5	Konsep Kemiskinan	36
3.6	Pengukuran Kemiskinan	38
3.7	Kemiskinan Mutlak	40
3.8	Kemiskinan Relatif	41
3.9	Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK)	42
3.10	Ulasan Kajian-Kajian Berkaitan AIM di Malaysia	46
3.11	Kesimpulan	51

**BAB 4 METODOLOGI KAJIAN**

4.0	Pendahuluan	53
4.1	Kerangka Kajian	53



4.2	Rekabentuk Kajian	54
4.2.1	Kajian Perpustakaan	55
4.2.2	Pengumpulan Data	55
4.2.3	Kaedah Temubual	55
4.2.4	Pemerhatian	56
4.3	Pembentukan Hipotesis Kajian	56
4.4	Subjek Kajian	57
4.5	Tatacara Kajian	58
4.6	Instrumen Kajian	58
4.6.1	Pembentukan Borang Soal-Selidik	59
4.7	Pentadbiran Borang Soal-Selidik	60
4.8	Kaedah Statistik	61
4.8.1	Analisis Skala Pengukuran	62
4.8.2	Statistik Deskriptif	62
4.8.3	Analisis Korelasi	62
4.8.3	Ujian Khi Kuasa Dua	63
4.9	Kesimpulan	63
 <b>BAB 5 HASIL KAJIAN</b>		
5.0	Pendahuluan	64
5.1	Ujian Kebolehpercayaan	64
5.2	Profil Responden	65
5.3	Analisis Deskriptif bagi Tahap Penglibatan dan Faktor Modal	67
5.4	Analisis Deskriptif bagi Impak Terhadap Peserta Setelah Menyertai Program AIM	72
5.5	Pengujian Hipotesis Kajian	79



5.5.1	Hipotesis Tentang Hubungan di antara Perubahan Kehidupan Peserta dengan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK)	79
5.5.2	Hipotesis Tentang Hubungan di antara Tahap Pendidikan Peserta dengan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK)	81
5.5.3	Hipotesis Tentang Hubungan di antara Faktor Penglibatan Peserta dalam AIM dengan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK)	82
5.5.4	Hipotesis Tentang Hubungan di antara Faktor Modal dengan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK)	84
5.5.5	Hipotesis Tentang Hubungan di antara Faktor Penerusan Program dengan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK)	86
5.5.6	Hipotesis Tentang Hubungan di antara Faktor Persepsi Peserta dengan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK)	87
5.6	Kesimpulan	89

## **BAB 6 PERBINCANGAN DAN RUMUSAN**

6.0	Pendahuluan	90
6.1	Pengulangan Objektif Kajian	91
6.2	Penemuan Kajian dan Perbincangan	91
6.2.1	Pencapaian Peserta	92
6.2.2	Tahap Pendidikan Peserta	94
6.2.3	Faktor Penglibatan	95
6.2.4	Faktor Modal	96
6.2.5	Faktor Penerusan Program	98
6.2.6	Persepsi Peserta Terhadap AIM	99
6.3	Implikasi Kajian	101
6.3.1	Teoretikal	101



6.3.2	Pihak Pengurusan Amanah Ikhtiar Malaysia	102
6.4	Cadangan Dasar dan Polisi	107
6.5	Limitasi Kajian	108
6.5.1	Pemilihan Lokasi Kajian	108
6.5.2	Penggunaan Pendapatan Garis Kemiskinan Tahun 2004	108
6.5.3	Analisis Statistik	109
6.6	Rumusan	109
<b>BIBLIOGRAFI</b>		<b>111</b>
<b>RUJUKAN</b>		<b>115</b>
<b>APENDIKS A BORANG SOAL-SELIDIK</b>		
<b>APENDIKS B STATISTIK DESKRIPTIF</b>		
<b>APENDIKS C UJIAN KHI KUASA DUA (<i>CHI-SQUARE</i>)</b>		
<b>APENDIKS D ANALISIS KORELASI (<i>CORRELATION</i>)</b>		
<b>APENDIKS E GAMBAR KERJA LAPANGAN DI DAERAH KOTA BELUD</b>		



## SENARAI JADUAL

1.1	Garis Kemiskinan AIM (2004)	7
2.1	Jenis-Jenis Skim Pembiayaan Ikhtiar oleh AIM	16
2.2	Cawangan AIM di Malaysia Mengikut Negeri	20
3.1	Populasi di bawah PGK di 12 Buah Negara yang Mewakili 80% daripada Jumlah Kemiskinan di Dunia,1997	26
3.2	KDNK Per Kapita, Kadar Pertumbuhan KDNK Tahunan Purata, Pendapatan Isi Rumah Bulanan Purata dan Kadar Kemiskinan Mengikut Negeri, 1995-1999	30
3.3	Pendapatan Garis Kemiskinan, 1993-1999	42
3.4	Garis Kemiskinan Kerajaan, AIM dan PPRT bagi Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak	43
3.5	Garis kemiskinan AIM (2004)	44
3.6	Kadar Kemiskinan dan Bilangan Isi Rumah Miskin Di Sabah, 1990-2000	45
3.7	Anggaran Jumlah Isirumah Miskin Mengikut Negeri 2000 (AIM)	47
4.1	Pembahagian Responden Mengikut Blok	57
4.2	Pembolehkan dan Bilangan Item	60
4.3	Kaedah Statistik yang Digunakan dalam Kajian	61
5.1	Keputusan Ujian Kebolehpercayaan	65
5.2	Profil Responden	66
5.3	Nilai Deskriptif bagi Tahap Penglibatan dan Faktor Modal	68
5.4	Nilai Deskriptif bagi Impak Terhadap Peserta Setelah Menyertai Program AIM	72
5.5	Jadual Silang bagi Perubahan Keadaan Kehidupan Peserta AIM	80



	dengan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK)	
5.6	Jadual Silang bagi Tahap Pendidikan Peserta dengan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK)	81
5.7	Jadual Silang bagi Faktor Penglibatan Peserta dengan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK)	83
5.8	Jadual Silang bagi Faktor Modal dengan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK)	84
5.9	Jadual Silang bagi Faktor Penerusan Program dengan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK)	86
5.10	Analisis Korelasi Tentang Hubungan di antara Persepsi Peserta Dengan Pencapaian Peserta (Pendapatan Setelah Menyertai AIM).	88



**SENARAI RAJAH**

3.1	Peningkatan Pendapatan di Kalangan Peserta AIM	48
4.1	Kerangka Awal Sebelum Kajian Dijalankan	54
6.1	Kerangka Menunjukkan Faktor-Faktor yang Menentukan Keberkesanan Program Pengurangan Kemiskinan oleh AIM	101



## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.0 Pendahuluan

Isu berkaitan kemiskinan adalah isu sejagat yang tidak dapat dipinggirkan oleh mana-mana negara kerana ia merupakan faktor penghalang kepada pembangunan negara. Ini kerana isu kemiskinan merupakan antara perkara yang paling di titikberatkan oleh sesebuah negara kerana ianya dianggap sebagai penyakit sosial yang paling dahsyat dan menjadi musuh utama kepada rancangan pembangunan ekonomi sesebuah negara (Hairi Abdullah, 1984) terutamanya Malaysia yang dianggap sebagai sebuah negara membangun yang menonjol di kalangan negara membangun yang lain. Dalam Islam, Nabi Muhammad S.A.W telah berpesan di dalam hadis yang menyatakan kepada sekalian umat bahawa kemiskinan boleh menghampiri kekufuran. Justeru itu, pihak perancang ekonomi negara telah berusaha memikirkan cara yang terbaik bagi menyelesaikan dan mengatasi masalah penyakit sosial ini.

Kemiskinan seringkali dikaitkan dengan ketidakseimbangan di antara bandar dan luar bandar (Chamhuri Siwar, Abdul Hamid Jaafar, Ahmad Mad Zin, 1995). Perkara ini disebabkan perbezaan pencapaian yang berlaku di antara kedua – dua kawasan tersebut di mana kawasan luar bandar lebih mundur berbanding kawasan bandar. Perbezaan tersebut melahirkan golongan atasan dan golongan bawahan. Sebagai sebuah negara yang dinamik, usaha untuk membanteras kemiskinan





sewajarnya mengambil kira kedua-dua aspek kemiskinan tersebut. Ini kerana, kemiskinan akan mendatangkan banyak masalah pada pembangunan negara. Yusuf Al-Qaradawi (1998) menyatakan bahawa kemiskinan mengancam masyarakat kerana ia mendatangkan bahaya kepada akidah, bahaya kepada etika dan moral, bahaya kepada akal fikiran, bahaya kepada keharmonian rumah tangga dan bahaya kepada masyarakat dan negara keseluruhannya.

Malaysia merupakan sebuah negara membangun yang berjaya mencatatkan rekod pembangunan yang amat pesat dalam tempoh 47 tahun kemerdekaannya. Kejayaan ini dapat dilihat melalui laporan yang dikeluarkan oleh Bank Dunia di mana dalam tempoh 1973-1995, purata pendapatan per kapita sebenar rakyat Malaysia telah meningkat sebanyak 2.5 kali ganda (World Bank, 2002). Dalam tempoh tersebut, kadar kemiskinan juga telah menurun dari lebih separuh populasi rakyat Malaysia dalam kategori miskin kepada 7.8 peratus pada 1995 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2003). Manakala kadar kemiskinan rakyat telah berkurangan dengan ketara sekali iaitu kepada hanya 5.1 peratus pada 2002 daripada 52.4 peratus dari jumlah isi rumah pada tahun 1970 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2003). Usaha untuk mencapai kemiskinan sifar sewajarnya diteruskan meskipun realiti kemiskinan sifar mungkin mendapat reaksi yang pelbagai.

Usaha memerangi kemiskinan ini telah pun dilakukan seawal negara kita mencapai kemerdekaan. Kepimpinan negara pada ketika itu telah mewujudkan dasar yang dinamakan sebagai Dasar Ekonomi Baru (DEB) pada 1971 dengan tujuannya yang jelas iaitu untuk menghapuskan kemiskinan di kalangan rakyat dan menyusun semula masyarakat tanpa mengira kaum. Dua puluh tahun berlalu tempoh DEB telah tamat pada 1990 dengan memperlihatkan banyak kemajuan yang telah dicapai ke arah membasmi kemiskinan. Namun begitu, usaha untuk membasmi kemiskinan



bukanlah sesuatu perkara yang mudah untuk dilakukan. Banyak usaha dan cara yang telah dilakukan untuk menghapuskan kemiskinan termasuklah meningkatkan kemahiran, semangat kerja dan galakan produktiviti, pendidikan, pembukaan tanah baru, subsidi serta bantuan (Rohana Yusof & Che Su Mustaffa, 1995). Namun di mana-mana sahaja kemiskinan di luar bandar mahupun di dalam bandar tidak juga dapat dihapuskan sepenuhnya terutama di dalam negara (Chamhuri Siwar & Mohd. Yusof Kasim, 1997).

### **1.1 Permasalahan kajian**

Ketidaktentuan momentum ekonomi keluarga yang berlaku di kalangan penduduk luar bandar merupakan salah satu faktor pendorong kepada taraf kemiskinan di luar bandar (Rohana Yusof & Che Su Mustaffa, 1995). Melalui kemudahan yang direka secara khusus, Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) mengambil pendekatan mudah sebagai kaedah untuk golongan berpendapatan rendah atau miskin, dalam menyediakan peluang untuk mereka sama-sama membangunkan diri dan menggembling kepakaran asas (*survival skills*) melalui penyertaan mereka secara aktif dan menjadi landasan kepada *social empowerment* khususnya kepada golongan wanita. Golongan sasaran bagi AIM adalah isirumah yang berpendapatan di bawah dua per tiga daripada garis kemiskinan semasa kerajaan.

Berdasarkan kajian lalu menunjukkan sistem kredit mikro yang diperkenalkan oleh AIM kepada golongan miskin dapat membantu mereka meningkatkan ekonomi keluarga dan memperbaiki kualiti hidup mereka. Sistem mikro kredit yang diperkenalkan ini membolehkan golongan miskin menggunakan pinjaman tersebut untuk modal permulaan yang memainkan peranan penting sebagai pelicinan sistem tukaran dan pengeluaran. Namun demikian, kajian ini mendapati tidak ada kajian



seumpamanya yang dilakukan secara akademik terutamanya dalam melihat keberkesanan pencapaian peserta AIM khususnya di negeri Sabah. Justeru itu timbulnya persoalan, adakah AIM berjaya membantu peserta atau "sahabat" keluar daripada garis kemiskinan yang telah ditetapkan oleh kerajaan? Adakah faktor-faktor yang ingin dikaji mempunyai hubungan langsung kepada pencapaian kualiti dan taraf hidup peserta selepas menyertai program yang dianjurkan oleh AIM?

## **1.2 Objektif Kajian**

Rentetan daripada permasalahan tersebut, kajian ini telah menggariskan beberapa objektif umum iaitu:

1. Mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian peserta program anjuran AIM di Kota Belud, Pantai Barat Sabah.
2. Mengukur pencapaian peserta AIM melepasi Purata Garis Kemiskinan (PGK) setelah terlibat di dalam program AIM.

Untuk tujuan yang lebih spesifik, kajian secara terperinci dilakukan kepada beberapa perkara yang dianggap penting dalam memenuhi objektif kajian ini. Berikut adalah objektif-objektif yang ingin dicapai pada akhir kajian ini;

1. Mengukur status sosioekonomi (tahap pendapatan dan tahap pemilikan harta) oleh peserta AIM.
2. Mengenalpasti profil peserta AIM dan profil program/aktiviti yang dilaksanakan melalui pinjaman daripada AIM.
3. Menentukan keberkesanan program AIM dalam meningkatkan status sosioekonomi peserta AIM.



### **1.3 Skop Penyelidikan**

Kajian ini dilakukan di daerah Kota Belud di bawah skop pentadbiran wilayah AIM. Wilayah yang dimaksudkan ialah dalam kawasan Pantai Barat Sabah. Kawasan yang termasuk dalam kajian ini ialah Rampayan, Taun Gusi, Tempasuk, Kinasaban, Usukan, Lasau dan Kedamaian. Julat peserta bagi setiap kawasan adalah di antara 211 orang hingga 309 orang peserta. Ini menjadikan jumlah keseluruhan peserta adalah seramai 1,770 orang. Kesemua peserta adalah wanita. Justeru itu, responden bagi kajian ini adalah seratus peratus golongan wanita. Pemilihan responden adalah mewakili 25% daripada keseluruhan peserta di setiap kawasan.

### **1.4 Kepentingan Kajian**

Kajian ini dilakukan untuk melihat sejauh mana pendekatan yang digunakan oleh AIM melalui sistem Bank Grameen telah dapat mengurangkan masalah kemiskinan di daerah Kota Belud, Sabah melalui penglibatan penduduk luar bandar di kawasan tersebut. Pelaksanaan program yang dijalankan akan dinilai samada memberi kesan ke atas kadar kejayaan membawa keluar penduduk luar bandar daripada kemiskinan mengikut garis kemiskinan semasa kerajaan.

Selain itu, kajian ini akan melihat impak sosial dari segi keterampilan dan keupayaan penduduk luar bandar berdasarkan hasil pendekatan kaedah berkumpulan yang dilaksanakan oleh AIM. Kajian ini meliputi aspek kesan program terhadap tingkat ekonomi, tingkat kualiti hidup dan juga hubungan sosial penduduk luar bandar untuk menentukan samada program yang dilaksanakan sesuai pada situasi dan keadaan kawasan yang berbeza.



Kajian ini adalah penting kerana dapat mendedahkan peranan sebenar yang dimainkan oleh AIM dalam menangani kemiskinan luar bandar, masalah-masalah yang perlu diselesaikan dan seterusnya mengetahui mengenai peserta AIM yang berjaya meningkatkan taraf dan kualiti hidup mereka. Hasil kajian ini dijangka dapat membantu pihak berkenaan berkaitan program pengurangan kemiskinan bagi menjalankan dasar yang boleh digunapakai dalam melaksanakan program tersebut. Secara tidak langsung kajian ini dapat membantu AIM merangka strategi yang lebih efektif yang boleh diterapkan sewaktu menjalankan program. Hasil kajian ini juga boleh digunakan oleh para akademia dalam mengembangkan pengetahuan dan pemahaman yang berkaitan dengan pelaksanaan program pengurangan atau pembasmian kemiskinan yang kini dititikberatkan oleh kerajaan semasa dalam program pembasmian kemiskinan tegar oleh kerajaan.

Kajian mengharapkan agar maklumat yang diperolehi daripada kajian ini dapat membantu pelbagai pihak terutama badan – badan kerajaan dan bukan kerajaan untuk menggunakan pendekatan dan program yang sesuai dalam meningkatkan kualiti kehidupan penduduk miskin luar bandar. Diharap hasil kajian ini dapat menggerakkan NGO terutamanya AIM dalam meningkatkan kecekapan dan keberkesanan dalam menjalankan program sosioekonomi masyarakat luar bandar.

### **1.5 Definasi Konsep**

Bahagian ini akan menghuraikan dengan lebih terperinci tentang definisi setiap pembolehubah kajian berdasarkan kajian-kajian lepas. Pembolehubah bersandar dalam kajian ini adalah pencapaian peserta manakala pembolehubah bebas yang dicadangkan untuk kajian ini adalah tahap pendidikan, faktor penglibatan, faktor modal, faktor persepsi responden dan faktor penerusan program.



### 1.5.1 Pencapaian Peserta

Dalam kajian ini, pencapaian peserta digunakan untuk melihat tahap keberkesanan program Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) dalam usaha untuk membasmi kemiskinan di daerah Kota Belud, Sabah. Dalam konteks ini, usaha pelaksanaan program AIM dianggap berjaya atau berkesan sekiranya program yang dianjurkan tersebut boleh menarik responden keluar melepasi Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) yang ditentukan oleh kerajaan negeri Sabah dan juga AIM. AIM mempunyai garis kemiskinannya tersendiri sebagai prasyarat utama di dalam melaksanakan program pengurangan kemiskinan. Berikut merupakan Pendapatan Garis Kemiskinan yang telah ditetapkan oleh AIM bagi tahun 2004:

Jadual 1.1 Garis Kemiskinan AIM (2004):

Tempat	Semenanjung	Sabah	Sarawak
Garis Kemiskinan Bulanan	RM529	RM690	RM600
Pendapatan Perkapita Bulanan	RM115	RM141	RM125

Daripada Jadual 1.1 di atas, Pendapatan Garis Kemiskinan bagi negeri Sabah adalah RM690 sebulan dengan isirumah sebanyak 4.9 orang (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2003). Manakala Pendapatan Garis Kemiskinan bagi Semenanjung Malaysia dan Sarawak ialah masing-masing RM529 dan RM600.

### 1.5.2 Faktor Penglibatan

Dalam kajian ini, faktor penglibatan merujuk kepada penyertaan responden dalam aktiviti yang dijalankan melalui pinjaman daripada AIM, sumber pengetahuan daripada mengenai AIM, pendorong penglibatan dalam AIM, mengapa AIM menjadi

pilihan untuk mendapatkan pinjaman modal dan dengan siapa responden mengusahakan aktiviti tersebut.

### **1.5.3 Faktor Modal**

Dalam kajian ini, faktor modal merujuk kepada AIM sebagai pemberi pinjaman modal kepada responden, samada responden menghadapi halangan modal ketika mengusahakan sesuatu aktiviti, jenis-jenis pinjaman SPI yang diterima oleh responden serta melihat jenis-jenis aktiviti yang dilakukan oleh peserta hasil daripada pinjaman daripada AIM.

Menurut Risalah AIM (Ogos 1991), modal merupakan salah satu faktor utama perekonomian yang memainkan peranan pelicin dalam sistem tukaran dan pengeluaran. Dengan syarat yang ketat terutamanya keperluan cagaran, jaminan, tindakan undang-undang serta kadar faedah yang tinggi, modal dari institusi kewangan tidak dapat dijangkau oleh golongan miskin. Justeru itu, bagi memudahkan jangkauan golongan miskin, pendekatan Skim Pinjaman Ikhtiar menjadikan modal sebagai hak isirumah termiskin berasaskan disiplin bagi menggantikan syarat-syarat yang ketat tersebut. Oleh yang demikian Skim Pinjaman Ikhtiar dikeluarkan tanpa cagaran, tanpa penjamin, tanpa faedah, tidak diambil tindakan undang-undang menuntut hutang dan baki hutang peminjam yang meninggal dunia dihalalkan jika rekodnya baik.

### **1.5.4 Faktor Persepsi**

Dalam kajian ini, faktor persepsi merujuk kepada pandangan peribadi responden terhadap AIM itu sendiri di samping pandangan terhadap prosedur pemilihan peserta, prosedur pinjaman peserta, hubungan responden dengan kakitangan AIM, hubungan



responden dengan peserta-peserta lain, penilaian diri peserta sendiri tentang tanggungjawab sebagai peserta AIM, pandangan responden terhadap peraturan yang telah ditetapkan oleh AIM, tahap penerimaan responden dan tahap kepuasan responden terhadap projek yang dianjurkan oleh AIM. Kesemua item-item ini diuji dengan menggunakan kaedah skala Likert.

### **1.5.5 Faktor Penerusan Program**

Dalam kajian ini, faktor penerusan program merujuk kepada paras keyakinan responden untuk meneruskan aktiviti yang sedang dilaksanakan samada secara berdikari atau masih ingin memohon pinjaman modal daripada AIM. Faktor penerusan program juga meliputi perancangan masa depan responden untuk peningkatan taraf hidup responden dan juga keluarga.

## **1.6 Organisasi Kajian**

Kajian ini terbahagi kepada enam bahagian utama mengikut bab. Bab 1 merangkumi pengenalan, permasalahan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, definisi konsep kajian, hipotesis kajian dan kesimpulan. Seterusnya dalam Bab 2 akan membincangkan secara mendalam sorotan kajian lepas mengenai kemiskinan dan kajian berkaitan dengan program pengurangan kemiskinan oleh AIM. Perkara yang dibincangkan seperti definisi kemiskinan peringkat dunia dan fokus kepada Malaysia. Turut dibincangkan juga berkenaan pengukuran kemiskinan dan garis kemiskinan. Bab 3 pula membincangkan secara mendalam mengenai sejarah penubuhan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), jenis-jenis pinjaman yang ditawarkan oleh AIM dan cawangan AIM di Malaysia.





## BIBLIOGRAFI

- Ab. Rahim Bakar & Suradi Salleh. t.th. "The Relationship between entrepreneurial Success of Amanah Ikhtiar Malaysia Entrepreneurs and Need of Achievement, Locus of Control, Social Networking, and Level of Education". <http://I05.cgpublisher.com/proposals/548/index.html>
- Afsar, Haleh & Agarwal, B. 1989. *Women, Poverty and Ideology in Asia. Contradictory Pressures, Uneasy Resolutions*. London: MASMILLAN Press.
- AIM. 1991. *Annual Report, 1990*. Penang: Amanah Ikhtiar Malaysia.
- Bhalla, S. & Kharas, H. 1992. "Growth and Equity in Malaysia: Policies and Consequences." Teh Hoe Yoke & Goh Kim Leng (Pnyt.). *Malaysia's Economic Vision: Issues and Challenges*. Kuala Lumpur. Pelanduk Publications.
- Bogart, W. T. 1998. *The Economics of Cities and Suburbs*. New Jersey. Prentice Hall.
- Chamhuri Siwar. 1991. "Rural Development and Poverty Alleviation: The Impact of intergraed Agricultural Development Projects (IADPs)". Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chamhuri Siwar. 1996. "Kemiskinan bandar: Keperluan Perumahan dan Kemudahan Asas bagi Penduduk Miskin". Chamsuri Siwar & Nor Aini Hj. Idris (pnyt.). *Kemiskinan dalam Arus Pembangunan Ekonomi Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Chamhuri Siwar. 2002. "Urban Poverty Alleviation and the Financial Crisis: Issues, Problems, Prospects and Challenges." Sharifah Norazizan Syed Abd. Rashid, Aishah Edris dan Norbaya Ahmad (Pnyt.). *Cities in 21<sup>st</sup> Century: Urban Issues and Challenges*, Serdang. Universiti Putra Malaysia Press.
- Chamhuri Siwar, Abdul Hamid Jaafar, Ahmad Mad Zin. 1995. *Industri Desa Semenanjung Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Chamhuri Siwar & Mohd. Hafiah Piei. 1988a. *Isu, Konsep dan Dimensi Kemiskinan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chamhuri Siwar & Mohd. Hafiah Piei. 1988b. *Dasar dan Strategi Pembasmian Kemiskinan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chamhuri Siwar & Mohd. Yusof Kasim. 1997. "Urban Development and Urban Poverty in Malaysia". *International Journal of Social Economics*. **24**: 1524-1536
- Chamhuri Siwar & Surtahman Hasan. 1999. *Ekonomi Malaysia*. (Edisi Keempat). Kuala Lumpur: Pearson Education Malaysia Sdn Bhd.
- Choruddin Hadhiri. 1996. *Klasifikasi Kandungan Al-Quran*, Syarikat S. Abdul Majeed.



- George, V. & Howards, I. 1991. *Poverty Amidst Affluence - Britain and the United States*, England: Edward Elgar.
- Getrude, C. 2003. *Sikap Komuniti Miskin Terhadap Pembangunan: Satu Kajian Kuasi Eksperimen di Pulau Omadal, Semporna*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Gibbons, D.S. 1990. *Is Ikhtiar Expensive: Benefits, Coasts and the Future of the Ikhtiar Loan Scheme*. Penang: Amanah Ikhtiar Malaysia.
- Gibbons, D.S & Sukor Kasim. 1990. *Banking On The Rural Poor*. Penang and Kuala Lumpur: Centre For Policy Research, Universiti Sains Malaysia and Asian and Pacific Development Centre.
- Hairi Abdullah. 1984. *Kemiskinan dan Kehidupan Golongan Berpendapatan Rendah*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- [http://www.aim.gov.my/~cms/maklumat/sejarah\\_aim/](http://www.aim.gov.my/~cms/maklumat/sejarah_aim/)
- Humphries, J. 1995. *Gender and Economy*, Galliard (Printers) Ltd, Great Yarmouth.
- Humphrey, J. 1987. *Gender and Work in The Third World: Sexual Divisions in Brazilian Industry*, Tavistock Publications London & New York.
- INTAN, 1980. *Negara Kita - Sejarah, Pentadbiran dan Dasar-Dasar Pembangunan Tadbiran Awam Negara*, Kuala Lumpur.
- Ishak Abdul Rahman. 1993. *Kajian Tentang Keberkesanan Projek Amanah Ikhtiar Malaysia dalam Membasmi Kemiskinan di Daerah Sik, Kedah*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Ishak Shari. 2000. "Kemiskinan Di Sabah: Kemajuan dan Masalah". Abdul Halim Ali *et al. Sabah Dalam Perluasan Pasaran*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jaafar Muhamad. 1993. *Asas Pengurusan Perniagaan*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Hassan, M. K. & Luis, R. G. 1997. "The Experience Of The Grameen Bank of Bangladesh in community development. *International Journal of Social Economics*. 24 (12): 1488-1523.
- Maimunah Ismail & Aminah Ahmad. 1999. *Women & Work: Challenges in Industrializing Nations*. London: Asean Academic Press.
- Mannan. M. A. 1980. *Islamic economics : Theory and Practice*. Lahore :Sh Muhammad Ashraf.
- Mohd Taib Dora, 2000. *Peminggiran Sosial: Keluarga Melayu Termiskin Bandar, Skudai, Johor Darul Ta`zim*: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.



- Nor Lina Ghazali. 1999. *Penglibatan Penduduk Luar Bandar Miskin Terhadap Rancangan Amanah Ikhtiar Malaysia di Baling, Kedah*. Selangor: Universiti Putra Malaysia.
- Poh Lei Khim. 2002. Hubungan Burnout Dengan Komitmen Terhadap Organisasi di antara Dua Buah Hotel: Kajian di Kota Kinabalu Sabah. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Rein & Martin, 1970. "Problems in the Definition and Measurement of Poverty", dlm. Peter Townsend, *The Concept of Poverty: Working Papers on Methods of Investigation and Life-Style of the poor in Different Countries*, London: Heinmann Educational Books Ltd.
- Rohana Yusof & Che Su Mustaffa. 1995. "Pendekatan Projek Amanah Ikhtiar Malaysia Dalam Menangani Masalah Kemiskinan". *Jurnal Kebajikan* 17 (2): Dis 1995.
- Rowntree, S. 1901. *Poverty: A study of town life*. London : Macmillan.
- SERU. 1991. "Ringkasan Laporan Kajian Impak Projek Ikhtiar", Kuala Lumpur. Socio economic Research Unit, Prime Minister's Department.
- Siddique, M. A. B. 1998. "Gender Issues In Poverty Alleviation: A Case Study of Bangladesh". *International Journal of Social Economics*. 25 (6): 1095-1111.
- Siti Haniza Abdul Rahman. 2001. *Mitos pembasmian kemiskinan dan pembangunan mapan*. Massa, November 3-9:17-18.
- Siti Nazuria Sidek. 2003. *Faktor-faktor yang Mempengaruhi Keberksanan Amanah Ikhtiar Malaysia dalam Meningkatkan Status Sosioekonomi Golongan Miskin di Kawasan Sungai Besar, Sabak Bernam, Selangor*. Selangor: Universiti Putra Malaysia.
- Stitt, S. 1994. *Poverty and Poor Relief : Concept and Reality*. London: Biddles Short Run Books.
- Surtahman Kastin Hasan. 1990. *Ekonomi Islam*. (Cetakan Pertama). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Syed Abdus-Samad. 1996. *Poverty Research: An Asian Review*. Kuala Lumpur. ADIPA.
- Syed Othman Alhabshi, 1996. "Poverty Eradication From Islamic Perspectives", <http://vlib.unitarkl1.edu.my/staff-publications/datuk>, layari pada Ogos 2000.
- Trainer, T. 2002. "Development, Charity and Poverty: The Appropriate Development Perspective." *International Journal of Social Economics*. 29 (1): 54-72.
- Townsend. 1993. "Latar Belakang Konsep, Pengukuran dan Teori Kemiskinan". Mohd. Taib Hj. Dora. *Agihan pembangunan: Teori dan pelaksanaan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Utusan Malaysia*, 9 Ogos 2000. "Kemiskinan Tegar Boleh Dihapuskan", Berita.



- Ungku Abdul Aziz, 1964. "Poverty and Rural Development in Malaysia", *Kajian Ekonomi Malaysia*, Vol.1, No.1, Jun.
- Ungku Abdul Aziz, 1965. "Poverty, Proteins and Disguised Starvation", *Kajian Ekonomi Malaysia*, Vol.1, No.1, Jun.
- Unit Perancang Ekonomi. 2001. *Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga 2001-2010*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Wan Zulfakkar Wan Yusof. 1998. *Keberkesanan Program Pembasmian Kemiskinan Anjuran Amanah Ikhtiar Malaysia di dalam Meningkatkan Pendapatan dan Taraf Hidup Sosioekonomi Penduduk Termiskin di daerah Kuala Terengganu, Terengganu*. Selangor: Universiti Putra Malaysia.
- World Bank. 1990. *World Development Report 1990: Poverty*. London: Oxford University Press.
- Yusuf Al Qardawi. 1998. Terj. Mufti Labib dan Arsil Ibrahim, *Peranan Nilai dan Akhlak Dalam Ekonomi Islam*, Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia.
- Za'ba, 1923. "The Poverty of the Malays", *Malay Mail*, 1 Disember.
- Zukarnain Zakaria & Hishamuddin Md Som. 2001. *Analisis Data*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

